

**NOTA PERCAKAPAN**  
**UCAPAN ALUAN YB MENTERI**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)**  
**ANTARA PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA (MFA) DAN SHOPEE**

Hari/Tarikh : Jumaat, 19 Jun 2020  
Masa : 1.00 petang  
Tempat : Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Aras 10 (Menara), KPDNHEP

Terima kasih kepada pengacara majlis

Selamat Sejahtera,

**SALUTASI**

**YB Dato' Rosol Bin Wahid**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

**YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad**

Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

**YBrs. Dr. Alauddin bin Sidal**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri)  
KPDNHEP

**YBhg. Datuk Dr. Hj. Radzali Hassan**

Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA)

**YBrs. En Tan Ming Kit**

Ketua Kluster Barang Pengguna Bergerak Pantas,  
Shopee Malaysia

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian

Ahli Jawatankuasa Utama MFA

Wakil daripada Shopee,

Rakan-rakan media,

Hadirin yang dihormati sekalian,

- i) Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan **terima kasih kepada Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) KPDNHEP, Persatuan Francais Malaysia (MFA)** dan **Shopee** kerana menjemput saya ke majlis pada hari ini.
- ii) Saya juga mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan media yang telah banyak memberikan sokongan kepada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Terima kasih kerana sudi hadir pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

- iii) Industri francais adalah salah satu industri yang penting dengan sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara. Sehingga hari ini, sebanyak **583 francaisor tempatan** dan **63 francaisor asing** telah berdaftar dengan KPDNHEP.
- iv) Berdasarkan Laporan Tahunan Perniagaan Francais pada tahun 2018, industri francais mencatatkan nilai jualan **melebihi RM11 bilion** dan diyakini angka tersebut meningkat kepada **RM13 bilion** pada tahun 2019. Nilai jualan yang besar ini menunjukkan bahawa perniagaan berbentuk francais menjadi pilihan pengguna dan berpotensi untuk diceburi oleh rakyat di negara ini.

Hadirin yang dihormati,

- v) **Penularan wabak pandemik COVID-19** yang sedang melanda di seluruh dunia memberikan kesan yang besar kepada ekonomi, termasuk perniagaan francais. Hasil tinjauan kesan pengoperasian francais semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh BPFJL dalam kalangan pemain industri menunjukkan industri ini mengalami kemerosotan hasil pendapatan

yang ketara. Penurunan ini terutamanya bagi subsektor makanan dan minuman (penurunan sehingga 70%), serta subsektor pendidikan (sehingga 80%).

- vi) Namun pada masa yang sama, aktiviti jual beli atas talian merekodkan lonjakan yang luar biasa dengan peningkatan sebanyak 28.9% dicatatkan pada bulan April 2020.
- vii) Oleh yang demikian, kerjasama antara MFA dan Shopee yang dimeterai melalui Memorandum Persefahaman pada hari ini adalah amat bertepatan dengan masanya, dalam usaha menggalakkan perniagaan francais secara atas talian.
- viii) Saya difahamkan melalui perjanjian ini pihak Shopee akan dapat menawarkan perkhidmatan mereka kepada ahli-ahli MFA pada kadar promosi. Pihak Shopee juga akan terlibat memberikan pendedahan mengenai pendigitalan perniagaan dalam sesi-sesi seperti seminar dan persidangan francais, di samping kerjasama dalam bentuk promosi. Saya berharap ahli-ahli MFA dapat memanfaatkan peluang ini dengan sebaiknya.

Hadirin yang dihormati,

- ix) Memasuki fasa Pemulihan dalam Perintah Kawalan Pergerakan, KPDNHEP akan melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu merancakkan kembali sektor peruncitan negara. Saya berharap pihak industri francais dan penyedia platform *online marketplace* seperti Shopee serta rakan-rakan media akan dapat menyokong usaha ini, demi mengembalikan ekonomi negara ke landasan yang sepatutnya.
- x) Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada pihak penganjur dan rakan media yang hadir pada hari ini. Saya mendoakan agar kerjasama yang dimeterai ini akan memberikan kesudahan yang baik buat kita semua.

Sekian, terima kasih.